

Anifah Ke Eropah Dapatkan Sokongan Pencalonan Malaysia Dalam PBB
Bernama
5 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman memulakan lawatan ke enam negara Eropah hingga 14 Mac bagi mendapatkan sokongan pencalonan Malaysia menduduki kerusi tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi tempoh 2015-2016.

Menurut kenyataan Kementerian Luar enam negara itu ialah Principality of Liechtenstein, Republik Slovenia, Slovakia, Austria, Hungary dan Republik Czech.

Berdasarkan tema keamanan dan kesederhanaan, Malaysia berhasrat untuk terus memperjuangkan penyelesaian konflik secara aman, serta mengetengahkan pengantaraan sebagai pendekatan dalam penyelesaian konflik.

Pencalonan Malaysia telah disokong oleh negara-negara Asean, Kumpulan Asia-Pasifik dan Majlis Kerjasama Teluk, menurut kenyataan itu lagi.

Menurut Wisma Putra lawatan berkenaan dijangka meningkatkan profil Malaysia dan jalinan politik dengan negara-negara berkenaan, seterusnya mengukuhkan lagi hubungan dua hala di pelbagai peringkat.

Malaysia pernah menganggotai Majlis Keselamatan PBB sebanyak tiga kali sebelum ini iaitu pada 1965, 1989-1990 dan 1999-2000.

Anifah akan turut mengambil kesempatan bertemu dengan rakyat Malaysia di Vienna dan Budapest, termasuk pelajar sebagai sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan untuk mendampingi rakyat Malaysia di luar negara.

Anifah juga dijadualkan bertemu rakan-rakan sejawatan dan mengambil peluang berbincang serta bertukar-tukar pandangan mengenai isu dua hala, serantau dan antarabangsa dalam mempromosi kepentingan Malaysia untuk mengukuhkan hubungan politik dan ekonomi.

Ini termasuk kerjasama dalam mempromosi inisiatif Malaysia berkaitan Gerakan Global ke Arah Kesederhanaan, menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019543>